

TARIKH	23 / 04 / 2014	SEKSYEN	NIAGA
MUKA SURAT	52	RUANGAN	

Pembayaran dividen tertinggi dalam sejarah penubuhannya 30 tahun lalu

Takaful Malaysia catat rekod

KUALA LUMPUR - Syarikat Takaful Malaysia Bhd. (Takaful Malaysia) mengumumkan pembayaran dividen tertinggi dalam sejarah penubuhannya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Pengarah Urusan Takaful Malaysia, Datuk Mohamed Hasan Kamil berkata, berdasarkan keputusan kewangan yang cemerlang, pemegang saham telah meluluskan cadangan membayar dividen akhir satu peringkat sebanyak 40 peratus pada mesyuarat agung tahunan semalam.


"Berdasarkan cadangan dividen akhir itu, jumlah dividen satu peringkat bagi 2013, termasuk dua

dividen interim yang dibayar pada tahun itu, menjadikan keseluruhannya sebanyak 82 peratus.

"Ia juga diterjemahkan kepada pulangan dividen 6.6 peratus beraskan harga penutup saham syarikat sebanyak RM12.40 pada 21 April 2014," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Mohamed Hasan menerangkan, jumlah dividen interim dan akhir sebanyak RM133.5 juta ini mewakili nisbah pembayaran sebanyak hampir 100 peratus daripada keuntungan bersih yang diperolehi bagi tempoh berakhir 31 Disember 2013.

"Ia merupakan rekod nisbah pembayaran tertinggi iaitu lebih daripada tiga kali ganda berbanding



GRAF menunjukkan jumlah pembayaran dividen Takaful Malaysia dari tahun 2008 hingga 2013.

ding pembayaran bagi tahun 2012," ujarnya.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, keuntungan Takaful Malaysia selepas cukai dan zakat meningkat 34 peratus kepada RM134.4 juta berbanding RM100.1 juta pada tahun kewa-

ngan sebelumnya.

Selain itu, Mohamed Hassan menerangkan, syarikat akan menyambut ulang tahunnya yang ke-30 dan syarikat akan memberi penekanan kepada empat bidang teras iaitu capaian pelanggan, kecakapan operasi, keberkesanan kos

dan keyakinan pemegang saham. "Matlamat utama Takaful Malaysia ialah mengatasi pasaran dan mewujudkan syarikat yang kukuh dan menjadi pilihan, bukan sahaja dalam kalangan syarikat takaful, malah kesemua penyedia insurans konvensional," katanya.



GUNASEELAN